



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIMPATI MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

**PROGRAM KOMUNITI DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN
BANDAR BERSAMA PENDUDUK KAMPUNG KERINCHI, KUALA LUMPUR**

KUALA LUMPUR, 12 Mei 2012 – YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin hari ini beramah mesra bersama komuniti Kampung Kerinchi dalam Program Komuniti dan Program CSR Bersama Warga Kampung Kerinchi anjuran Kementerian Wilayah Kementerian Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB).

Program ini juga merupakan salah satu inisiatif murni pihak KWPKB bagi membantu serta menambah baik kehidupan dan memberikan kemudahan kepada warga Rumah Pangsa Empat (4) Tingkat Kampung Kerinchi yang telah berpindah ke kediaman sementara mereka iaitu di PPR Kerinchi dan PPR Cempaka sepanjang tempoh pembinaan semula kediaman baru mereka dilaksanakan. **Objektif** yang ingin dicapai melalui program ini adalah untuk:

- i) Menggerakkan dan mewujudkan hubungan yang harmoni antara pihak kerajaan dengan warga Wilayah Persekutuan;
- ii) Membantu warga/penduduk Rumah Pangsa 4 Tingkat Kampung Kerinchi menikmati kehidupan yang sempurna dan lebih sistematik demi kesejahteraan rakyat; dan
- iii) Menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam memastikan rakyat dapat menikmati kehidupan yang lebih berkualiti dan sejahtera.

Rumah pangsa empat (4) tingkat di Kampung Kerinchi mula didiami penduduk pada tahun 1974 yang terdiri daripada dua jenis rumah iaitu rumah yang mempunyai satu bilik dan satu bilik air dan rumah yang tiada bilik dengan satu bilik air. Keadaan rumah itu kini tidak lagi sesuai didiami kerana kebanyakan keluarga mempunyai isi rumah yang besar. Cadangan pembangunan semula ini adalah melibatkan pembinaan semula unit pangsapuri moden yang lebih selesa berkeluasan 882 kps yang mempunyai tiga (3) bilik tidur dengan dua (2) bilik air

serta dilengkapi dengan balkoni, kabinet dapur dan mesin pengering baju. Pangsapuri moden ini turut dilengkapi dengan pengawal keselamatan.

Dalam program yang sama juga, YB Menteri WPKB turut melancarkan **konsep K-BARU** iaitu konsep pembangunan semula Rumah Pangsa 4 Tingkat Kampung Kerinchi dalam usaha meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di bandar. K-BARU ini merupakan inisiatif KWPKB dalam menterjemahkan elemen **peningkatan kualiti dan taraf kehidupan** masyarakat bandar yang akan mempunyai persekitaran kediaman yang lebih selesa, bersih serta selamat khususnya kepada komuniti Kampung Kerinchi. Melalui K-BARU yang merupakan hasil dari program pembangunan semula ini, bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada pemilik kini tetapi juga dapat meningkatkan taraf sosial, ekonomi dan pemilikan kediaman yang mempunyai nilai harta tanah yang berpotensi tinggi untuk memberikan pendapatan yang lumayan di masa akan datang.

Secara langsungnya, K-BARU yang dilancarkan pada hari ini akan memberi impak yang besar kepada penduduk Kampung Kerinchi dalam menjalani kehidupan yang bebas dari masalah jenayah. Melalui konsep K-BARU ini kehidupan penduduk Rumah Pangsa 4 Tingkat Kampung Kerinchi akan bertukar menjadi sebuah kehidupan yang lebih harmoni dan selamat. Rumah kediaman mereka merupakan sebuah pangsapuri moden yang baru dilengkapi dengan teknologi terkini yang mempunyai ciri-ciri keselamatan sama seperti di kawasan kediaman elit lain di negara ini.

YB Menteri WPKB turut menyampaikan sumbangan sebanyak **RM20,000.00** kepada **Persatuan Penduduk Rumah Pangsa 4 Tingkat Kampung Kerinchi** sebagai bantuan kelengkapan kemudahan asas dewan serbaguna yang telah siap dibina oleh pihak Suez Domain Sdn. Bhd. Pemberian sumbangan ini merupakan salah satu aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) KWPKB kepada masyarakat di bandar yang sentiasa diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Secara keseluruhannya, projek pembangunan semula Rumah Pangsa 4 Tingkat Kampung Kerinchi dengan pengaplikasian konsep K-BARU ini akan dapat memberikan manfaat kepada masyarakat bandar terhadap semua aspek. Kerjasama dengan pihak swasta/korporat merupakan elemen terkini yang secara langsungnya memberikan kebaikan kepada semua pihak yang terlibat. Pihak KWPKB sentiasa menekankan keperluan dan kebajikan masyarakat di bandar bagi membolehkan mereka terlibat sama dan merasai kebaikan dalam arus pembangunan di Wilayah Persekutuan

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

12 Mei 2012 - Kuala Lumpur